

# Desren Osewan Juarai Pertandingan Voice Star Masscom 2014

oleh: Nurfazilah Binti Ali Mansor



SABTU, 29 MAC – Pelajar tahun akhir komunikasi, Desren Osewan dinobatkan sebagai juara Pertandingan Voice Star Masscomm 2014 anjuran Exco Kesenian dan Kebudayaan Kelab Komunikasi, yang diadakan buat pertama kalinya di Foyer Sekolah Sains Sosial.

Beliau mendendangkan lagu "Mimpi Yang Tak Sudah",

dan berjaya menawan hati para juri sekaligus mendapat gelaran juara mengalahkan 10 peserta yang lain. Para pemenang pada pertandingan tersebut berjaya membawa pulang hadiah berupa piala serta sijil.

Siti Albaniyah pula menyandang gelaran naib juara apabila menewaskan Rozailiah Bonsay yang hanya menggondol tempat ketiga. Persaingan berlaku antara peserta apabila masing-masing mempunyai bakat yang terpendam.

Menurut pengarah program, Nurul Nadiah Che Pa program ini diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat sedia ada dalam kalangan pelajar Komunikasi khususnya dalam cabang seni.

"Saya percaya, pertandingan ini mampu menonjolkan keterampilan diri pelajar dalam usaha menjana warga Komunikasi yang berani memperkenalkan identiti diri dan bakat seni suara yang terpendam. Malah, melalui pertandingan ini, ia mampu menggalakkan penglibatan pelajar Komunikasi dalam pelbagai bidang, bukan sahaja tertumpu kepada cabang media dan komunikasi sahaja," katanya ketika ditemui.

Secara tidak langsung, program ini dapat merapatkan lagi ukhwah dan perhubungan dalam kalangan pelajar Komunikasi yang terdiri dari pelbagai etnik, latar belakang dan budaya yang berbeza.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Penyelaras Kelab Komunikasi, Puan Norhuda Salleh serta Presiden Kelab Komunikasi, Hakim Junaidi.